(b) a suspension or restriction imposed by the Bank on the use of the Card;

(c) the amendment, variation, cancellation, suspension and/or withdrawal of any of the benefits or privileges under the Card;

14.2.2 due to an act or omission of the Merchant;

14.2.3 due to a retention of the Card and/or refusal by the Merchant to honour the Card;

14.2.4 in connection with a statement, representation or communication made by the Merchant;

14.2.5 due to a defect or deficiency in goods purchased from or services rendered by the Merchant;

14.2.6 due to a dissatisfaction with the quality, effectiveness and/or genuineness of the goods purchased from and/or services supplied by the Merchant.

14.3. Any claims and/or disputes which the Company and/or the Cardmember may have against a Merchant shall not relieve the Company from its obligation to pay the amount due to the Bank.

15. REPRESENTATIONS AND WARRANTIES

15.1. The Company represents and warrants that:-

15.1.1 the obligations expressed to be assumed by the Company under this Agreement are legal, valid, binding and enforceable obligations;

15.1.2 the Company has the power to enter into, perform and deliver and has taken all necessary action to authorise the entry into, performance and delivery of this Agreement;

15.1.3 the execution, delivery and performance of this Agreement do not and will not violate or contravene the provisions of :-

(a) any law, rule, regulation, order or decree of any governmental authority, agency or court;

(b) its constitutional documents;

(c) any contract of whatever nature or other undertaking or instrument, to which it is a party or which are binding upon it;

15.1.4 all consents, licences, approvals, resolutions, authorisations, registrations or orders and exemptions of any ministry, agency, department or authority in Malaysia ("Authorisation") which are required or advisable to be obtained in connection with the execution, delivery, performance, legality or enforceability of this Agreement have been obtained and are in full force and effect and no further Authorisation is required therefor;

15.1.5 the Company possesses the financial capacity to perform all of its obligations under this Agreement;

15.1.6 no litigation (whether civil or criminal), arbitration or administrative proceedings are presently, pending, on-going or threatened against the Company;

15.1.7 the Company is able to pay debts as and when they fall due and no winding up proceedings have been commenced or are being threatened against the Company;

15.1.8 the Company has filed all tax returns which is required by law to file or has paid or made adequate provision for all payment of all taxes, assessments, fees and other governmental charges assessed against the Company or upon the Company's properties;

15.1.9 all information, data and representations given by the Company to the Bank in relation to this Agreement are accurate, true and remain accurate and true;

15.1.10 the Company is not aware of and have not intentionally withheld any information or fact which may result in or give rise to this Agreement causing the Bank to breach any applicable laws;

15.1.11 the Company is not involved in any illegal activities and all moneys provided to the Bank are not derived in any way from illegal activities; and

15.1.12 the Company acknowledges that the Bank has accepted the application of the Scheme in reliance of the above representations and warranties.

15.2. If any of the above representations and warranties is or proves to have been incorrect or misleading in any material aspect during the term of this Agreement, it is agreed between the parties that such breach constitutes a material breach of this Agreement in which the Bank is entitled to immediately terminate this Agreement whereupon all amounts outstanding under this Agreement shall become immediately due and payable.

16. **FORCE MAJEURE**

16.1. In the event the Bank is unable to perform its obligations under this Agreement due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to:-

16.1.1 any malfunction or failure of equipment, system or transmission link;

16.1.2 any fire, earthquake, flood, explosion, acts of elements, acts of God, acts of terrorism, war (declared or undeclared), accidents, epidemic, pandemic, strikes, lockouts, labour disputes, embargo, riot, civil disturbance, tsunami;

16.1.3 any failure of or disruption to telecommunications, internet, electricity, water and fuel supply; or

16.1.4 any other circumstance in the nature of a force majeure, that is, an unforeseeable event that prevents the Bank from performing its obligations under this Agreement,

the Bank will not in any way be liable for the delay, loss, damage or inconvenience which the Company may suffer as a result of such failure to perform.

17. COMPLIANCE WITH LAWS

17.1. The Company shall comply with all applicable laws and regulations including directives and guidelines from Bank Negara and other government and/or regulatory authorities in relation to the use of the Card and/or this Agreement.

18. GOVERNING LAW AND JURISDICTION

18.1. This Agreement shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Company agrees to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

18.2. The Company agrees to waive any objection on the ground of suitability of venue jurisdiction or any similar ground.

19. ENTIRE AGREEMENT

19.1. This Agreement constitutes the entire agreement between the parties relating to the subject matter in this Agreement and supersedes all prior and contemporaneous agreements, understandings and arrangements between the parties and there will be no promises, terms and conditions or obligations, oral or written, expressed or implied, other than those contained in this Agreement.

20. NOTICES

20.1. The Company and the Cardmember shall notify the Bank of any change of address and contact information. If the Company and/or the Cardmember does not inform the Bank of any change of such information, the Company and the Cardmember agree that the Bank may rely on any address and/or contact information as reflected in the Bank's records or obtains from any communication purportedly issued by the Company and/or the Cardmember to the Bank.

20.2. All notices, demands, requests, consents and communications which are given by the Bank to the Company and/or the Cardmember may be sent in the following manner:-

20.2.1 by post (registered, AR registered, ordinary or otherwise) to the Company's and/or the Cardmember's last known address in the Bank's records and shall be deemed to have been received two (2) days after the date it is posted;

20.2.2 by hand to the Company's and/or the Cardmember's last known address in the Bank's records and shall be deemed to be delivered at the time of delivery at the Company's address;

20.2.3 by electronic mail to the Company's and/or the Cardmember's last known email address in the Bank's records and shall be deemed to have been received at the time the electronic mailing is completed;

20.2.4 by facsimile transmission to the facsimile number last known to the Bank and shall be deemed to have been received at the time the facsimile transmission is completed;

20.2.5 by displaying at the Bank's business premises and the Bank's website and shall be deemed to have received at the time of such display;

20.2.6 by inserting a notice in the Company's and/or the Cardmember's statement of account and shall be deemed to have been received two (2) days after the date of posting of the statement of account or notice contained in the statement of account;

20.2.7 by short message system (SMS) to the mobile phone number last known to the Bank and shall be deemed to have been received at the time the sending of the SMS is completed; and/or

20.2.8 by such other manner that the Bank determines from time to time.

20.3. Any failure by the Company and/or the Cardmember to notify the Bank of a change of its address and/or contact information resulting in the delay or non-delivery of any correspondence and/or notice will not prejudice the Bank's rights and entitlements under this Agreement.

21. **COSTS**

21.1. The Company shall be liable for all costs and expenses (including but not limited to legal fees) incurred by the Bank in connection with this Agreement and/or the Scheme, the enforcement or attempted preservation or enforcement of the Bank's

rights under this Agreement and any matters related to this Agreement and/or the Scheme.

22. HEADINGS

22.1. The clause headings in this Agreement are for convenience of reference only and shall not affect the construction of the clause.

23. TAXES

23.1. The Company is liable to pay for any taxes or levies which is required by law, regulations, guidelines, decisions or directives issued under any such laws (and shall include any amendments made to such laws, regulations, guidelines, decisions or directives) to be paid to anybody or authority having jurisdiction over the Bank in respect of any fees and charges charged or incurred by the Bank and/or services provided by the Bank in relation to this Agreement.

23.2. Any taxes or levies incurred by the Bank in relation to this Agreement and any other goods or services provided under this Agreement shall be borne by and charged to the Company and in the event that the Bank shall effect any payment, the Company shall be liable to reimburse the Bank for such amounts paid.

24. WAIVER

24.1. No failure or delay on the part of the Bank in exercising nor any omission to exercise any right, power, privilege, or remedy provided in this Agreement shall constitute a waiver by the Bank to exercise such rights, powers, privileges or remedies or acquiescence of such default. The Bank retains the right at any time afterwards to strictly enforce or insist on the Bank's rights in relation to that breach or any subsequent breach by the Company.

25. SEVERABILITY

25.1. If any of the clauses of this Agreement is or becomes invalid, illegal or unenforceable clause is to be treated as not having been included in this Agreement and the remainder of the clauses in this Agreement shall continue to be effective and in force and shall not affected in any way by the invalid, illegal or unenforceable clause.

26. CUMULATIVE REMEDIES

26.1. The rights, powers and privileges provided this Agreement are cumulative and are not exclusive of any rights, remedies and privileges provides by law, in any other agreement between the parties or otherwise.

27. ASSIGNMENT

27.1. The Company may not assign and/or transfer any of its rights, interests, title and liabilities under this Agreement and the Card.

27.2. The Bank may assign and/or transfer any or all of its rights, title, interests and liabilities under this Agreement to any person the Bank deems fit.

28. VARIATION

28.1. The Bank may at any time add to, vary, amend, revise or modify any terms and conditions of this Agreement including but not limited to the fees, charges, features and benefits of the Card by giving twenty one (21) days' prior notice to the Company.

28.2. Any changes will be published on the Bank's website or through any other method as the Bank may in its discretion deem fit. Any additions, variations, amendments, revisions or modifications shall take effect from the effective date of the notice.

28.3. In the event the Company is not agreeable to such variation, addition and/or amendment, the Company shall:-

(a) surrender or cause the Cardmember to surrender the Card to the Bank and cut it in half; or

(b) notify the Bank in writing of its intention to terminate this Agreement and the Card and subsequently, destroy and/or remove the chip in the Card.

If the Bank does not receive the Card cut in half or written notification as specified in this Clause, the Company is deemed to have accepted the additions, variations, amendments, revisions or modifications to the terms and conditions of this Agreement and shall be bound by the same.

28.4. Notwithstanding the above, if the Company and/or the Cardmember continue to use the Card after the effective date of such changes, the Company is deemed to have accepted the additions, variations, amendments, revisions or modifications to the terms and conditions of this Agreement and shall be bound by the same.

29. **SUCCESSOR BOUND**

29.1. This Agreement shall be binding on the successor in title of the Company and successor in title and assigns of the Bank.

30. **PRESERVATIONS OF RIGHTS AND ENTITLEMENT**

30.1. The Company agrees that regardless of whatever stated in this Agreement, the Bank's rights and entitlement as stated under this Agreement will continue to remain in full force and effect and will survive any termination, cancellation, closure or suspension of the Card.

31. **MUTUAL AGREEMENT**

31.1 In entering into this Agreement the parties hereto recognise that it is impractical to make provisions for every contingency that may arise in the course of the performance thereto. Accordingly, the parties hereto declare it to be their intention that the Agreement shall operate between them with fairness and without detriment to the interest of any of them and in the course of the performance of this Agreement unfairness to any party is disclosed or anticipated then such action may be taken as may be necessary and equitable to remove the cause of the same.

32. **ANTI-BRIBERY AND ANTI-CORRUPTION**

32.1. The Bank has implemented its Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy ("ABAC Policy") which adopts a "zero-tolerance approach" towards any form of bribery and corruption in conducting its business. For more information on the ABAC Policy, please visit the Bank's website.

32.2. The Company shall ensure compliance with the ABAC Policy at all times and shall not engage in any acts of bribery or corruption that would be considered to be contrary to the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ("MACC Act"), guidelines, by-laws, regulations and any re-enactments of the MACC Act.

32.3. The Bank has the right to terminate this Agreement and the Scheme immediately in the event the Company is found to be in breach of the ABAC Policy or found to be involved in any acts of bribery or corrupt practices.

PERJANJIAN
KAD PERNIAGAAN DAN
KAD KOMERSIAL VISA
PUBLIC BANK

PERJANJIAN INI hendaklah diterima pakai bagi penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran Public Bank 196501000672 (6463-H)).

Penting untuk Syarikat dan/atau Ahli Kad membaca dan faham terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini sebelum memohon dan/atau menggunakan Kad tersebut. Dengan memohon dan/atau menggunakan Kad tersebut, Syarikat dan/atau Ahli Kad dianggap telah membaca, faham, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Perjanjian ini.

1. TAKRIFAN DAN SUSUNAN KATA

1.1 Dalam Perjanjian ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya:-

"Perjanjian" hendaklah bermaksud perjanjian ini termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahsuaian yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa.

"ATM" hendaklah bermaksud mesin teler automatik.

"Bank" hendaklah bermaksud Public Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)) serta pengganti dan penerima serah haknya.

"Tempoh Pembilan" hendaklah bermaksud tempoh yang mana kesemua pembelian barang dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai, fi dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad dicatatkan oleh Bank dalam penyata bulanan.

"Kad" hendaklah bermaksud Kad Perniagaan Visa PB dan/atau Kad Komersial Visa PB yang dikeluarkan oleh Bank.

"Akaun Kad" hendaklah bermaksud akaun Ahli Kad yang dibuka dengan dan disenggara oleh Bank bagi tujuan Perjanjian ini.

"Pendahuluan Tunai" hendaklah bermaksud pengeluaran tunai daripada Akaun Kad di cawangan Bank yang ditentukan, cawangan bank ahli Visa International yang mengambil bahagian atau melalui ATM Bank yang ditentukan dan ATM bank ahli Visa International yang mengambil bahagian.

"Draf Pendahuluan Tunai" hendaklah bermaksud slip, borang atau kertas berkenaan yang dibekalkan oleh Bank bagi tujuan mencatat, mengesahkan dan membuktikan Pendahuluan Tunai oleh Ahli Kad yang menggunakan Kad, yang akan dicaj kepada akaun Syarikat.

"Ahli Kad" hendaklah bermaksud seorang atau orang yang ditentukan dan dibenarkan oleh Syarikat secara bertulis kepada Bank yang Kad akan dikeluarkan kepadanya. Nama orang itu akan ditulis di atas Kad tersebut

“Tarikh Penutupan” hendaklah bermaksud hari terakhir dalam kitaran pembilan.

“Syarikat” hendaklah merujuk pelanggan bukan individu yang memohon Kad di bawah Skim berkenaan.

“Baki Semasa” hendaklah bermaksud baki terdahulu dan jumlah pembelian barang dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai yang ditanggung oleh Ahli Kad yang mana Bank telah membeli Resit Urus niaga dan Draf Pendahuluan Tunai dan apa-apa fi dan caj yang dicaj oleh Bank tidak termasuk apa-apa bayaran yang dibuat oleh Syarikat dan dikreditkan kepada akaun pembilan syarikat semasa Tempoh Pembilan.

“Had Kredit” hendaklah bermaksud had seperti yang ditentukan oleh Bank terhadap Syarikat bagi penggunaan Kad dan/atau had seperti yang ditentukan oleh Syarikat untuk setiap Kad, mengikut mana-mana yang berkenaan.

“Tarikh Perlu Bayar” bermaksud dua puluh (20) hari dari Tarikh Penutupan Tempoh Pembilan yang tercatat dalam penyata bulanan akaun bagi Kad Perniagaan Visa PB dan dua puluh lima (25) hari dari Tarikh Penutupan Tempoh Pembilan yang tercatat dalam penyata bulanan akaun bagi Kad Komersial Visa PB.

“Caj Kewangan” hendaklah dari segi Kad Perniagaan Visa PB, seperti yang dijelaskan dalam Fasal 5.10 dan dari segi Kad Komersial Visa PB, seperti yang dijelaskan dalam Fasal 5.17.

“Tempoh Tanpa Faedah” hendaklah dari segi Kad Perniagaan Visa PB, seperti yang dijelaskan dalam Fasal 5.10.2.

"Saudagar" hendaklah bermaksud apa-apa saudagar runcit, pembekal dan/atau mana-mana orang, firma atau perbadanan lain di Malaysia atau di tempat lain yang bersetuju untuk menerima Kad bagi bayaran untuk barang dan/atau perkhidmatan.

“Bayaran Minimum” hendaklah bermaksud amaun minimum yang dikehendaki dibayar oleh Syarikat sebelum atau pada Tarikh Perlu bayar.

“Urus niaga Pendahuluan Bukan Tunai” hendaklah bermaksud urus niaga seperti pembelian runcit, faedah, fi dan caj lain selain daripada urus niaga Pendahuluan Tunai.

“Baki Pendahuluan Tunai Belum Jelas” hendaklah bermaksud jumlah amaun Pendahuluan Tunai yang belum dibayar.

“Baki Pendahuluan Bukan Tunai Belum Jelas” bermaksud jumlah amaun yang belum dibayar berikutan urus niaga seperti pembelian runcit, faedah, fi dan caj lain selain daripada urus niaga Pendahuluan Tunai.

“Kumpulan PBB” bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, sekutu, persatuan atau perbadanan Bank yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad pada syarikat induk/subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen mereka.

"Kad Perniagaan Visa PB” hendaklah bermaksud Kad Perniagaan Visa Public Bank yang dikeluarkan oleh Bank atas permohonan Syarikat untuk digunakan oleh orang yang ditentukan dan dibenarkan oleh Syarikat.

“Kad Komersial Visa PB" hendaklah bermaksud Kad Komersial Visa Public Bank yang dikeluarkan oleh Bank atas permohonan Syarikat untuk digunakan oleh orang yang ditentukan dan dibenarkan oleh Syarikat.

“PIN” hendaklah bermaksud nombor pengenalan peribadi yang dicipta oleh Ahli Kad untuk mengaktifkan penggunaan Kad dan membolehkan Ahli Kad melaksanakan apa-apa urus niaga yang dilaksanakan melalui ATM dan/atau apa-apa pembelian di mana-mana Saudagar.

"Skim" hendaklah bermaksud pengaturan yang dibuat antara Bank dan Syarikat berkaitan dengan Kad yang mana Bank bersetuju untuk mengeluarkan Kad untuk digunakan oleh orang yang ditentukan dan dibenarkan oleh Syarikat bagi pembelian barang dan/atau perkhidmatan daripada Saudagar dan Syarikat bersetuju untuk membayar kesemua amaun perlu dibayar dan yang terhutang untuk atau berikutan penggunaan Kad dan/atau di bawah Akaun Kad tertakluk pada terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

"Tarikh Penyata" hendaklah bermaksud tarikh penyata bulanan akaun.

"Tarikh Urus niaga" hendaklah bermaksud tarikh Ahli Kad membuat pembelian atau urus niaga menggunakan Kad.

"Resit Urus niaga" hendaklah bermaksud slip bayaran, draf jualan, borang atau kertas atau apa-apa dokumen bertulis atau laporan komunikasi elektronik lain yang berkaitan sama ada slip bayaran, draf jualan, borang atau kertas atau apa-apa dokumen bertulis atau laporan komunikasi elektronik itu dibekalkan oleh Bank kepada Saudagar bagi tujuan untuk mencatat, mengesahkan dan membuktikan

pembelian yang ditanggung oleh Ahli Kad menggunakan Kad yang akan dicaj kepada Syarikat.

1.2. Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.

1.3. Perkataan yang mempunyai maksud gender hendaklah termasuk kesemua gender.

1.4. Perkataan yang mempunyai maksud orang hendaklah termasuk firma, syarikat, perbadanan, perkongsian, badan korporat, persatuan yang tidak diperbadankan dan apa-apa persatuan.

1.5. Rujukan pada "termasuk" atau "contohnya" atau perkataan sama yang lain apabila memperkenalkan contoh tidak mengehadkan maksud perkataan yang dijadikan contoh.

1.6. Rujukan pada suatu Fasal ialah rujukan pada fasal dalam Perjanjian ini dan rujukan pada suatu fasal kecil ialah rujukan pada fasal kecil dalam Fasal itu dalam mana rujukan itu wujud.

1.7. Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau diperihalkan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsir menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Apa-apa terma berkaitan dengan teknologi komputer yang tidak ditentukan atau dinyatakan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am dan industri teknologi maklumat di Malaysia.

2. **SKIM**

2.1 Syarikat dan Bank bersetuju bahawa Bank akan mengawal selia, mengendalikan dan menguruskan Skim bagi membolehkan Ahli Kad menggunakan Kad untuk membayar barang yang dibeli daripada dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Saudagar.

2.2 Syarikat dan Bank bersetuju bahawa Bank akan mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad. Syarikat dikehendaki menentukan Had Kredit bagi Kad yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan kepada setiap Ahli Kad dengan menghantar borang permohonan yang dilengkapkan dengan sewajarnya (dalam format seperti yang ditentukan oleh Bank) kepada Bank.

2.3 Melainkan Bank memaklumkan kepada Syarikat mengenai penamatan Kad, kesemua Kad akan tamat tempoh apabila Perjanjian ini ditamatkan.

2.4 Syarikat hendaklah memaklumkan kepada Bank apabila berlaku peristiwa yang berikut:-

2.4.1 pemberhentian atau penamatan kerja mana-mana Ahli Kad; atau
2.4.2 mana-mana Kad hilang atau dicuri; atau
2.4.3 apa-apa urus niaga yang berunsur penipuan atau dipalsukan atau tidak dibenarkan.

2.5 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa pembelian atau caj yang ditanggung disebabkan oleh kegagalan Syarikat untuk memaklumkan Bank apabila berlaku peristiwa yang dinyatakan dalam Fasal 2.4 di atas.

2.6 Sekiranya siasatan mendapati bahawa Ahli Kad terlibat dalam urus niaga yang berunsur penipuan, dipalsukan atau tidak dibenarkan, Syarikat akan dipertanggungjawabkan bagi kesemua caj yang ditanggung berkaitan dengan urus niaga berkenaan, termasuk Caj Kewangan dan caj bayaran lewat, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan bertulis seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2.5 di atas.

2.7 Sekiranya Bank menyediakan kemudahan pendahuluan tunai di bawah Skim berkenaan kepada Syarikat, Syarikat mengaku dan bersetuju bahawa kemudahan pendahuluan tunai itu tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini dan kesemua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh Bank kepada Syarikat dan/atau dokumen/perjanjian seumpamanya yang dipersetujui antara Bank dan Syarikat, termasuk tetapi tidak terhad pada had pengeluaran dan penalti yang diterima pakai kepada kemudahan pendahuluan tunai.

3. **PENAMATAN**

3.1 Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa kecuali ditamatkan oleh mana-mana pihak menurut terma dan syarat Perjanjian ini.

3.2 Mana-mana pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis selama sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu kepada pihak satu lagi tanpa berkewajipan untuk memberikan apa-apa sebab.

3.3 Tanpa mengambil kira mana-mana fasal lain yang terkandung dalam Perjanjian ini, Bank boleh menggantung atau menamatkan Kad dan/atau Perjanjian ini dengan segera sekiranya:-

3.3.1 Syarikat gagal mematuhi terma bayaran atau cara bayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini;

3.3.2 Syarikat dan Ahli Kad mengancam untuk melanggar atau telah melanggar mana-mana fasal dalam Perjanjian ini;

3.3.3 Syarikat menjadi tidak solven atau digulung atau memeterai mana-mana perjanjian, kompromi atau pengaturan dengan mana-mana pemiutang, ahlinya atau mana-mana orang pun (melainkan bagi tujuan penggabungan atau pembinaan semula);

3.3.4 satu petisyen penggulungan telah dikemukakan terhadap Syarikat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan Syarikat;

3.3.5 terdapat apa-apa prosiding guaman atau prosedur atau langkah lain yang diambil untuk melantik penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman, pembubar atau pegawai lain seumpamanya terhadap Syarikat dan/atau aset Syarikat;

3.3.6 apa-apa prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau pentadbiran yang akan dijalankan, sedang dijalankan atau diancam diambil terhadap Syarikat;

3.3.7 pada bila-bila masa selepas pengeluaran Kad, undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikannya menyalahi undang-undang, tidak sah atau mustahil untuk Bank memberi Kad kepada Syarikat atau terus memberi Kad kepada Syarikat atau untuk mematuhi obligasi Bank di bawah Perjanjian ini atau untuk Bank menguatkuasakan apa-apa hak Bank di bawah Perjanjian ini;

3.3.8 penarafan kredit Syarikat seperti yang ditentukan oleh Bank telah merosot;

3.3.9 terdapat siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan dijalankan, sedang berjalan atau diancam akan diambil terhadap Syarikat atau Ahli Kad;

3.3.10 sekiranya terdapat apa-apa laporan yang dibuat terhadap Syarikat atau Ahli Kad di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Kewangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

3.3.11 sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad tersebut digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau

3.3.12 apa-apa penyiasatan akan atau sedang dijalankan oleh Bank ke atas Syarikat atau Ahli Kad, akaunnya dan/atau apa-apa urus niaga berkaitan dengan akaunnya.

3.4 Selepas penamatan Perjanjian ini atas apa juga sebab, Syarikat dikehendaki memulangkan atau mendapatkan kesemua Ahli Kad untuk memulangkan Kad kepada Bank dan memotong Kad tersebut kepada dua. Kesemua pihak bersetuju bahawa kesemua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank berkaitan dengan Kad dan/atau di bawah Skim itu hendaklah ditamatkan pada tarikh penamatan seperti yang dimaklumkan oleh Bank kepada Syarikat.

3.5 Syarikat akan dipertanggungjawabkan bagi kesemua pembelian, penalti dan caj lain yang ditanggung atau berikutan penggunaan Kad oleh Ahli Kad.

3.6 Kesemua hak, obligasi dan liabiliti yang timbul sebelum penamatan Perjanjian ini hendaklah mengatasi penamatan Perjanjian ini.

4. PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN KAD

4.1. Penggunaan Kad terhad kepada Ahli Kad yang kepadanya Kad itu dikeluarkan. Ahli Kad perlu menandatangani Kad dengan segera selepas menerima Kad tersebut dan kemudiannya mengaktifkan penggunaan Kad tersebut dengan menetapkan Nombor PIN. Tandatangan dan/atau penggunaan Kad hendaklah dianggap bahawa Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan Perjanjian ini

4.2. Bagi melaksanakan pembelian kredit menggunakan Kad daripada Saudagar, Ahli Kad mungkin perlu untuk sama ada:-

4.2.1. mengimbaskan Kad pada peranti pembaca tanpa sentuh, terminal atau terminal tempat jualan (POS) atau meletakkan Kad berdekatan dengan peranti tersebut;

4.2.2. menekan PIN pada peranti terminal atau pusat jual (POS) di Saudagar;

4.2.3. menandatangani (pada resit barang dan/atau perkhidmatan) pada draf jualan/Resit Urus niaga yang disediakan oleh Saudagar; atau

4.2.4. memasukkan atau menaip nombor Kad seperti yang dikehendaki oleh Hab Perniagaan E-Dagang B2B Bank dan/atau apa-apa halaman dan/atau laman web Saudagar yang berkaitan dan/atau mana-mana medium komunikasi elektronik dan butir lain seumpamanya seperti yang dikehendaki oleh Saudagar.

4.3. Menjadi bukti konklusif bahawa urus niaga dan amaun yang direkodkan ditanggung dengan sempurna apabila Bank menerima draf jualan/Resit Urus niaga, tanpa mengambil kira sama ada ia mempunyai tandatangan Ahli Kad atau tidak, atau apa-apa dokumen bertulis atau komunikasi elektronik atau apa-apa bukti lain bagi penggunaan Kad yang membuktikan urus niaga tersebut.

4.4. Sebagai balasan kepada Syarikat kerana mematuhi terma Perjanjian ini, Bank hendaklah membeli daripada Saudagar dan/atau institusi ahli Visa International kesemua draf jualan/Resit Urus niaga yang ditanggung oleh Ahli Kad dan mendebit Akaun Kad Ahli Kad dengan sewajarnya.

4.5. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, mengubah Had Kredit dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Syarikat.

5. PEMBAYARAN OLEH SYARIKAT

5.1. Penyata bulanan berkaitan dengan Kad akan dikeluarkan kepada Ahli Kad individu yang berkenaan dan penyata bulanan akaun akan dikeluarkan kepada Syarikat.

5.2. Melainkan untuk kesalahan yang nyata, penyata bulanan akaun hendaklah menjadi bukti yang betul dan konklusif bagi amaun yang perlu dibayar dan boleh dibayar oleh Syarikat kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

5.3. Kesemua bayaran oleh Syarikat kepada Bank hendaklah tidak tertakluk pada apa-apa pengurangan yang sama atau untuk tuntutan balas dan/atau tolak selesai terhadap Syarikat, ahli institusi Visa International dan/atau mana-mana bank.

5.4. Bayaran oleh Syarikat kepada Bank hendaklah tidak boleh dianggap sebagai telah dibuat sehingga kesemua dana yang berkaitan diterima oleh Bank.

5.5. Bayaran oleh Syarikat kepada Bank hendaklah termasuk apa-apa cukai yang dikenakan yang perlu dibayar, sama ada yang sedang berkuat kuasa pada masa ini atau akan dikuatkuasakan dan boleh dicaj menurut undang-undang.

5.6. Kesemua bayaran yang dibuat oleh Syarikat hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

5.7. Tanpa mengambil kira mana-mana peruntukan lain yang terkandung dalam Perjanjian ini, Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah kadar atau cara pengiraan fi tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, Caj Kewangan, caj bayaran lewat serta fi dan caj lain dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu kepada Syarikat berhubung dengan apa-apa perubahan sedemikian.

KAD PERNIAGAAN VISA PB

5.8 Syarikat hendaklah membayar amaun dalam penyata bulanan akaun dan kesemua amaun lain yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini pada atau sebelum hari kedua puluh (ke-20) dari Tarikh Penyata.

5.9 Selepas menerima penyata bulanan akaun Syarikat, Syarikat hendaklah:

5.9.1 membayar amaun keseluruhan Baki Semasa pada atau sebelum Tarikh Perlu Bayar; atau

5.9.2. sebaliknya, membuat Bayaran Minimum seperti yang berikut:

(a) apabila Baki Semasa tidak melebihi Had Kredit, tidak kurang daripada lima peratus (5%) daripada Baki Semasa dan tertakluk pada minimum sebanyak RM50 sahaja.

(b) apabila Baki Semasa melebihi Had Kredit, keseluruhan amaun yang berlebihan bersama-sama lima peratus (5%) Had Kredit sentiasa dengan syarat bahawa Bayaran Minimum itu termasuk amaun lampau tempoh yang perlu dibayar seperti yang ditunjukkan dalam penyata bulanan akaun.

5.10 Struktur kadar Caj Kewangan bertingkat adalah dari lima belas peratus (15%) hingga lapan belas peratus (18%) setahun, dikira atas baki harian dan dikenakan atas kesemua Baki Pendahuluan Bukan Tunai Belum Jelas dan/atau Baki Pendahuluan Tunai Belum Jelas sehingga bayaran penuh dibuat.

5.10.1. CAJ KEWANGAN

(a) Struktur Kadar Caj Kewangan Bertingkat

(i) lima belas peratus (15%) setahun daripada jumlah baki tertunggak – apabila Syarikat segera membuat bayaran balik minimum untuk dua belas (12) bulan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut; atau

(ii) tujuh belas peratus (17%) setahun daripada jumlah baki tertunggak – apabila Syarikat segera membuat bayaran balik minimum untuk sepuluh (10) bulan dan lebih dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut sebelumnya; atau

(iii) lapan belas peratus (18%) setahun daripada jumlah baki tertunggak – bagi Syarikat yang tidak memenuhi mana-mana kriteria di atas.

Nota: Caj Kewangan bertingkat hanya dikenakan atas baki belum jelas berikutan urus niaga runcit. Baki terakru daripada Pendahuluan Tunai akan dikenakan dengan caj Kewangan pada kadar lapan belas peratus (18%) setahun.

(b) Caj Kewangan dikenakan atas Baki Pendahuluan Tunai Belum Jelas dari Tarikh Urus niaga sehingga bayaran penuh dibuat.

(c) Caj Kewangan dikenakan atas Baki Pendahuluan Bukan Tunai Belum Jelas yang tidak dibayar selewat-lewatnya pada Tarikh Perlu Bayar sejurus selepas Tarikh Penyata dalam mana urus niaga dicatat, dikira dari Tarikh Perlu Bayar tersebut hingga bayaran penuh dibuat.

(d) Caj Kewangan tidak dikenakan atas Urus niaga Pendahuluan Bukan Tunai sebelum Tarikh Penyata.

(e) Caj Kewangan tidak akan dikenakan sekiranya Baki Pendahuluan Bukan Tunai daripada penyata bulan sebelum itu diselesaikan sepenuhnya selewat-lewatnya pada Tarikh Perlu Bayar.

(f) Selepas menentukan baki dan tempoh berkaitan yang boleh dikenakan Caj Kewangan/faedah, formula yang berikut bagi pengiraan Caj Kewangan/faedah akan diguna pakai:

$f = (B) \times (P/D) \times (R)$
$F = \text{Jumlah}[f]$
Yang mana:

F	ialah jumlah Caj Kewangan yang dikenakan bagi bulan berkenaan
Jumlah [f]	ialah jumlah kesemua Caj Kewangan yang dikira atas Baki berbeza yang boleh dikenakan dengan Caj Kewangan bagi tempoh yang dikenakan faedah bagi bulan tersebut.
f	ialah Caj Kewangan bagi Baki B tertentu yang dikira bagi tempoh P hari
B	ialah Baki yang dikenakan dengan Caj Kewangan
P	ialah Tempoh berkenaan yang dikenakan faedah dalam hari, yang mana Baki (B) dikenakan Caj Kewangan
D	ialah bilangan hari yang digunakan sebagai asas bagi kadar tahunan
R	ialah kadar tahunan Caj Kewangan nominal yang dinyatakan

Pendahuluan Bukan Tunai: termasuk pembelian runcit, faedah, fi dan caj lain.

5.10.2. TEMPOH TANPA FAEDAH UNTUK URUS NIAGA RUNCIT

(a) Tempoh Tanpa Faedah selama dua puluh (20) hari akan diberi untuk kesemua urus niaga runcit yang dibuat menggunakan Kad Perniagaan Visa PB dengan syarat kesemua baki belum jelas daripada bulan sebelum itu seperti dalam penyata bulanan akaun, diselesaikan sepenuhnya sebelum Tarikh Perlu Bayar.

(b) Sekiranya Tempoh Tanpa Faedah tidak diterima pakai, Caj Kewangan seperti kadar bertingkat yang terpakai akan dikenakan atas kesemua urus niaga runcit dari tarikh urus niaga runcit tersebut dicatat.

Nota: Urus niaga Runcit tidak termasuk Pendahuluan Tunai dan apa-apa pelan kredit lain.

5.11. Sekiranya Syarikat gagal membuat Bayaran Minimum selewat-lewatnya pada Tarikh Perlu Bayar, caj selanjutnya sebanyak satu peratus (1%) daripada jumlah baki tertunggak pada Tarikh Penyata atau minimum sebanyak RM10, mana-mana yang lebih tinggi (dihadkan pada maksimum sebanyak RM100) akan didebitkan kepada akaun Syarikat.

5.12. Penerimaan bayaran lewat atau bayaran sebahagian atau bayaran menggunakan cek atau kiriman wang oleh Bank sebagai bayaran penuh atau apa-apa penepian oleh Bank akan haknya atau kelebihan yang diberi kepada Syarikat tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini untuk memungut bayaran belum jelas atau sebagai keizinan untuk mengubah suai Perjanjian ini dalam apa pun keadaan.

5.13. Syarikat bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Kad dengan fi dan caj yang berikut:-

5.13.1. Caj Kewangan di bawah Fasal 5.10 di atas.

5.14. Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan bagi perkhidmatan yang diberi pada kadar yang berikut atau kadar serupa yang disemak semula lain yang Bank, mengikut budi bicara mutlaknya, akan tentukan dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Syarikat:

5.14.1. Pengeluaran Draf Jualan/Resit Urus niaga atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad seperti yang berikut:

(a) Draf Jualan/Resit Urus niaga: RM15.00 bagi setiap permohonan Draf Jualan/Resit Urus niaga

KAD KOMERSIAL VISA PB

5.15. Syarikat mengaku janji untuk membuat bayaran penuh untuk setiap pusingan pembilan bagi kesemua wang yang perlu dibayar di bawah Kad Komersial Visa PB.

5.16. Syarikat hendaklah membayar amaun yang dinyatakan dalam penyata akaun atau apa-apa amaun lain yang perlu dibayar oleh Syarikat di bawah Perjanjian ini pada atau sebelum hari kedua puluh lima (ke-25) selepas setiap penyata akaun diterima.

5.17. Sekiranya Syarikat atas apa juga sebab gagal membayar kepada Bank apa-apa amaun yang perlu dibayar di bawah Fasal ini dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.16, Bank berhak untuk menuntut faedah pada kadar sebanyak satu perpuluhan lima peratus (1.5%) setiap bulan, dikira atas baki harian dan dikenakan atas kesemua baki tertunggak dari tarikh urus niaga ("Caj Kewangan").

5.18. Sekiranya Syarikat gagal membuat bayaran penuh selewat-lewatnya pada tarikh perlu bayar seperti dalam penyata, caj tetap selanjutnya sebanyak RM25 akan dikenakan atas bayaran yang belum dibayar.

5.19. Syarikat bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Kad dengan fi dan caj yang berikut:-

5.19.1. Caj Kewangan di bawah Fasal 5.17 di atas; dan

5.19.2. Caj bayaran lewat di bawah Fasal 5.18 di atas.

5.20. Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan bagi kesemua perkhidmatan yang diberi pada kadar yang berikut atau kadar serupa yang disemak semula yang Bank mengikut budi bicara mutlaknya akan tentukan dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Syarikat:

5.20.1. Pengeluaran Draf Jualan/Resit Urus niaga atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad seperti yang berikut:

(a) Draf Jualan/Resit Urus niaga: RM15.00 bagi setiap permohonan Draf Jualan/Resit Urus niaga

6. **PEMILIKAN KAD**

6.1. Kad hendaklah menjadi hak milik Bank pada setiap masa.

6.2. Kad hendaklah boleh digunakan secara eksklusif oleh Ahli Kad. Ahli Kad dan Syarikat tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad kepada mana-mana pihak ketiga

6.3. Kad tidak boleh disandarkan oleh Ahli Kad atau Syarikat sebagai sekuriti untuk apa juga tujuan.

6.4. Ahli Kad dan Syarikat hendaklah mengambil kesemua langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya Kad hilang atau dicuri dan/atau PIN dan/atau butiran Kad terdedah kepada orang yang tidak dibenarkan, Ahli Kad dan/atau Syarikat hendaklah dengan segera, sebaik sahaja mengetahui tentang kejadian itu, memaklumkan kepada Bank (sekiranya kejadian demikian berlaku di Malaysia) atau mana-mana ahli Visa International (sekiranya kejadian itu berlaku di luar negeri) melalui telefon, faksimile atau e-mel. Ahli Kad dan Syarikat hendaklah memaklumkannya secepat mungkin kepada Bank secara bertulis degan disertakan laporan polis tetapi dalam apa jua keadaan, tidak lebih daripada tujuh (7) hari selepas berlakunya kejadian tersebut.

6.5. Ahli Kad dan Syarikat tanpa boleh batal dan tanpa syarat mengizinkan bahawa Bank boleh (tetapi tidak mempunyai kewajipan untuk) merekodkan arahan telefon seperti yang disebut di atas secara bertulis dan/atau melalui pita rakaman dan/atau apa-apa cara lain dan rekod bagi apa-apa arahan berkenaan adalah konklusif dan mengikat ke atas Ahli Kad dan Syarikat. Ahli Kad dan Syarikat secara nyata mengizinkan arahan telefon itu direkod dengan cara sedemikian dan mengakui bahawa apa-apa dan/atau kesemua rekod yang disimpan oleh Bank adalah konklusif dan mengikat bagi semua tujuan.

6.6. Ahli Kad dan Syarikat seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan identiti atau kebenaran mana-mana orang yang memberi arahan melalui telefon yang dikatakan dibuat atas nama Ahli Kad dan/atau orang yang dibenarkan oleh Syarikat. Bank berhak untuk bertindak atas arahan melalui telefon dan tidak akan dipertanggungjawabkan kerana bertindak terhadap arahan melalui telefon yang dikatakan diberi oleh Ahli Kad dan/atau orang yang dibenarkan oleh Syarikat tanpa mengambil kira keadaan semasa pada waktu arahan berkenaan diberi.

6.7. Sebagai balasan kerana Bank bersetuju untuk bertindak atas arahan melalui telefon yang diberi atau dikatakan diberi oleh Ahli Kad dan/atau orang yang dibenarkan oleh Syarikat, Ahli Kad dan Syarikat bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan

mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada apa jua kerugian, tuntutan, prosiding, tuntutan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi dan perbelanjaan guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank berikutan Bank bertindak atas arahan telefon yang diberi atau dikatakan diberi oleh Ahli Kad dan/atau orang yang diberi kebenaran oleh Syarikat.

6.8. Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian seperti dalam Fasal 6.4 di atas dan berikutan kehilangan atau kecurian tersebut, Kad digunakan oleh orang yan tidak dibenarkan, Ahli Kad dan Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung rugi Bank bagi:-

6.8.1. kesemua caj yang tidak dibenarkan yang ditanggung bagi apa-apa barang yang dibeli daripada dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Saudagar; dan

6.8.2. Pendahuluan Tunai yang tidak dilaksanakan melalui ATM menggunakan Kad,

sehingga tarikh Bank menerima makluman secara bertulis menurut syarat-syarat di bawah Fasal 6.4 di atas.

6.9. Ahli Kad dan Syarikat akan bertanggungjawab atas kesemua caj yang dibuat menggunakan Kad sekiranya Ahli Kad dan/atau Syarikat telah:-

6.9.1. bertindak secara menipu;

6.9.2. lewat untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh semunasabah yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;

6.9.3. mendedahkan nombor PIN kepada orang lain secara sukarela;

6.9.4. mencatat nombor PIN di atas Kad atau di atas apa-apa yang berdekatan dengan Kad yang boleh hilang bersama-sama Kad tersebut;

6.9.5. meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain. Bagaimanapun, Ahli Kad dikehendaki agar sentiasa berwaspada untuk melindungi Kad meskipun berada di tempat kediaman Ahli Kad; atau

6.9.6. sengaja membenarkan orang lain menggunakan Kad tersebut.

6.10. Sekiranya siasatan mendapati Ahli Kad dan/atau Syarikat terlibat dalam menyebabkan pengenaan apa-apa caj yang tidak dibenarkan, Ahli Kad dan/atau Syarikat akan bertanggungjawab atas caj yang ditanggung itu, termasuk tetapi tidak terhad pada Caj Kewangan dan caj bayaran lewat, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima makluman secara bertulis itu.

6.11. Secara nyata adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Had Kredit seperti yang ditentukan oleh Bank kepada Syarikat tidak melebihi seperti yang ditentukan oleh Syarikat untuk setiap kad.

6.12. Kesemua tuntutan bagi Kad yang hilang atau dicuri atau urus niaga yang dipertikaikan yang dibuat menggunakan Kad akan disiasat oleh Bank selepas Bank menerima kesemua maklumat yang berkaitan menurut garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) dan prosedur siasatan dalaman Bank. Sekiranya Bank mendapati bahawa terdapat percubaan untuk membuat tuntutan palsu atas urus niaga yang dipertikaikan itu, Bank berhak untuk membuat laporan polis terhadap tuntuan palsu yang dibuat dan/atau menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mempertanggungjawabkan Syarikat dan Ahli Kad bagi amaun yang dipertikai itu dan kesemua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.

Ahli Kad dan Syarikat hendaklah bertanggungjawab atas kesemua Pendahuluan Tunai yang dibuat melalui ATM.

6.13. Bank boleh, tetapi tidak dipertanggungjawabkan untuk menggantikan Kad yang hilang atau dicuri, atas permohonan Ahli Kad. Kad tidak akan diganti sekiranya dilaporkan hilang atau dicuri untuk kali keempat atau seterusnya.

6.14. Apabila Kad yang hilang atau dicuri itu dijumpai semula, Ahli Kad dan Syarikat hendaklah tidak menggunakan Kad tersebut dan hendaklah memulangkannya dengan memotongnya kepada dua bahagian sebaik sahaja Kad itu diambil. Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan Kad gantian kepada Ahli Kad dan/atau Syarikat selepas kehilangan atau kecurian Kad tersebut.

6.15. Ahli Kad dan Syarikat hendaklah memulangkan semula Kad yang dipotong kepada dua bahagian itu kepada Bank dengan segera:-

6.15.1. selepas tamat tempohnya; atau

6.15.2. selepas dibatalkan oleh Ahli Kad dan/atau Syarikat; atau

6.15.3. apabila diminta oleh Bank selepas dibatalkan, ditarik balik atau digantung oleh Bank; atau

6.15.4. apabila dijumpai semula selepas Kad itu dimaklumkan hilang atau dicuri.

Ahli Kad dan Syarikat tidak mempunyai apa-apa hak selanjutnya untuk menggunakan Kad tersebut.

7. TANGGUNG RUGI

7.1. Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukannya disebabkan oleh kecuaian dan kesilapan yang disengajakan oleh Bank, Syarikat akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada kesemua liabiliti, kerugian, ganti rugi, penalti, tindakan, penghakiman, kos, perbelanjaan atau apa juga jenis pembayaran yang dikenakan terhadapnya, ditanggung atau dituntut daripada Bank dalam apa jua cara berkaitan dengan atau berikutan tindakan atau ketertinggalan oleh Syarikat atau mana-mana pegawai atau kakitangannya dalam pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Skim berkenaan.

8. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

8.1 Tanpa prejudis kepada apa-apa remedi lain yang Bank mungkin ada, Bank boleh, mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa:-

8.1.1 dengan notis telebih dahulu kepada Syarikat, menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun Syarikat termasuk akaun yang dipegang bersama dengan orang lain (dalam apa jua bentuk) di mana sekali pun berada dengan liabiliti Syarikat di bawah mana-mana perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB; dan

8.1.2 dengan notis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada Syarikat (atau tempoh lain seumpamanya yang diperlukan di bawah apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa, mana-mana yang lebih awal), menolak selesai atau memindahkan

(a) apa-apa jumlah yang terdapat dalam kredit mana-mana akaun Syarikat;

(b) apa-apa jumlah yang perlu dibayar, terhutang dan/atau perlu dibayar kepada Syarikat di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;

(c) apa-apa lebihan atau hasil yang diterima daripada aset atau sekuriti lain Syarikat yang dipegang oleh Bank dan kesemua ahli Kumpulan PBB,

bagi memenuhi apa-apa liabiliti Syarikat dengan Bank dan mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB.

8.2 Apabila penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau lien atau tuntutan balas atau pindahan jurubank memerlukan pertukaran satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, pertukaran itu hendaklah dikira pada kadar pertukaran semasa Bank.

8.3 Apabila notis dikeluarkan dalam Fasal 8.1 di atas, Syarikat bersetuju bahawa Bank berhak untuk menguntukkan atau meletakkan apa-apa wang yang terdapat dalam kredit semua atau mana-mana akaun Syarikat dengan bank sebelum menolak selesai dan Syarikat hendaklah tidak layak untuk menarik balik wang tanpa keizinan bertulis Bank terlebih dahulu.

9. KERAHSIAAN

9.1 Selain pendedahan yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, Syarikat bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan Bank, ejen atau mana-mana orang yang Bank memberi akses kepada rekodnya berkaitan dengan Syarikat) untuk mendedahkan kesemua maklumat berkaitan dengan Syarikat, Ahli Kad, Skim berkenaan, dasar, pangkalan data, pertambahan berdasarkan kad dan senarai kesemua Ahli Kad untuk Skim berkenaan, apa-apa maklumat atau butiran berkaitan dengan apa-apa program peningkatan Kad yang dirancang oleh Syarikat dan/atau Bank, dan hasil siasatan atau pertanyaan yang dibuat atau laporan dan syor yang dibuat oleh mana-mana pihak, kepada orang yang berikut:-

9.1.1 mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan PBB bagi tujuan:-

(a) pelaporan;

(b) pelaksanaan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;

(c) pematuhan terhadap dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan PBB;

(d) amalan korporat;

(e) pencegahan penipuan atau jenayah;

(f) kutipan hutang;

(g) penyumberluaran operasi Bank atau mana-mana bahagian operasi Bank;

(h) penyiasatan, pencegahan atau yang berkaitan dengan penggubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah yang lain;

(i) menambah baik dan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB kepada Syarikat;

9.1.2 mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak Bank di bawah Perjanjian ini;

9.1.3 mana-mana orang yang diambil oleh Bank bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;

9.1.4 juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional Bank;

9.1.5 polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;

9.1.6 pencetak alat tulis Bank, penjual sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan orang yang memasang dan menyenggarakannya serta pembekal barangan lain atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank;

9.1.7 mana-mana agensi penarafan;

9.1.8 mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta atau peserta kecil berkaitan dengan apa-apa kewajipan Bank di bawah perjanjian perbankan di antara syarikat dengan Bank, atau pemegang serah hak, novati atau penerima pindahan.

9.1.9 mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;

9.1.10 mana-mana pihak berkuasa percukaian bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;

9.1.11 mana-mana pihak yang perlu untuk Bank menjalankan obligasinya dalam Perjanjian ini;

9.1.12 mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB dibenarkan atau dikehendaki untuk mendedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara;

9.1.13 mana-mana orang yang Syarikat telah memberi kuasa untuk mengakses Skim berkenaan;

9.1.14 mana-mana Ahli Kad.

9.2 Bank dan Kumpulan PBB boleh bertindak dalam apa jua cara yang Bank menganggap wajar sekiranya Bank diserahkan dengan perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah yang mempunyai apa-apa bidang kuasa. Syarikat bersetuju bahawa Syarikat tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan Bank.

9.3 Sekiranya Syarikat memberi data peribadi kepada mana-mana individu pihak ketiga termasuk mendedahkan data peribadi itu kepada Bank dan telah memberi Bank sesalinan notis privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhinya tetapi tidak terhad pada data peribadi Ahli Kad, Syarikat mengakui dan mengesahkan bahawa ia telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga sebelum mendedahkan data peribadi kepada Bank dan telah memberi sesalinan notis privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhinya.

10. PERUBAHAN DALAM UNDANG-UNDANG

10.1 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada atau pengenalan apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan peminjaman wang, kredit pengguna, produk atau perkhidmatan di bawah Perjanjian ini, Bank boleh, pada bila-bila masa, mengubah terma dan syarat Perjanjian ini untuk mengurangkan kesan kewangan yang buruk berikutan perubahan pada Bank atau Syarikat atau untuk membolehkan Bank atau Syarikat memperoleh manfaat daripada apa-apa pengecualian, manfaat atau keistimewaan berkaitan dengan undang-undang atau peraturan berkenaan atau apa-apa peraturan yang berkaitan. Perubahan sedemikian akan berkuat kuasa selepas makluman mengenai penamatan tersebut diberi oleh Bank.

11. PERUBAHAN PERLEMBAGAAN

11.1 Perjanjian ini akan terus sah dan mengikat bagi kesemua tujuan tanpa mengira:

11.1.1 apa-apa perubahan disebabkan oleh penggabungan, pembinaan semula, penggulungan, pembubaran Syarikat;

11.1.2 apa-apa perubahan yang disebabkan oleh penggabungan, penyatuan, pembinaan semula, pembubaran yang mungkin dibuat dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya perniagaan Bank dijalankan, dan akan disediakan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan berkenaan.

12. PENYATA AKAUN

12.1 Syarikat akan menyemak dengan teliti kesemua entri dalam penyata akaun dengan segera dan melaporkan dengan segera kepada Bank tentang apa-apa kesilapan atau percanggahan yang ditemui dalam penyata akaun. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa makluman secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata akaun tentang apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan entri dalam penyata akaun tersebut, Syarikat akan dianggap sebagai menerima entri yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata akaun itu sebagai betul dan konklusif.

12.2 Syarikat tidak akan selepas tamatnya tempoh empat belas (14) hari itu mempersoalkan apa-apa butiran dalam penyata akaun sentiasa dengan syarat bahawa Bank boleh mengeluarkan semula apa-apa entri kredit yang dikreditkan secara silap dalam akaun syarikat. Sekiranya terdapat amaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank berikutan pengeluaran semula itu, Bank berhak untuk mengenakan faedah atas apa-apa amaun berkenaan.

13. HAK UNTUK MEMBUAT PELARASAN

13.1 Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Perjanjian ini, Bank berhak untuk menyelaras dan/atau membetulkan apa-apa entri dalam rekod dan entri sekiranya mana-mana Akaun Ahli Kad dan Syarikat sekiranya terdapat kesilapan dalam rekod dan entri berkenaan. Sekiranya penyelarasan dan/atau pembetulan itu menyebabkan apa-apa lebihan kepada Had Kredit Syarikat, Syarikat hendaklah apabila diminta membayar kepada Bank lebihan tersebut mengikut Fasal 5.

14. PENGECUALIAN LIABILITI

14.1 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kesilapan atau kemungkiran yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kos, kerugian, caj dan ganti rugi yang Syarikat mungkin tanggung berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan pada sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.

14.2 Bank tidak akan dalam apa jua keadaan dipertanggungjawabkan atas kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Syarikat dan/atau Ahli Kad (termasuk kehilangan reputasi atau dimalukan):

14.2.1 berkaitan dengan perwakilan atau implikasi disebabkan oleh:

(a) pembatalan atau keengganan Bank untuk membaharui Kad;

(b) penggantungan atau sekatan yang dikenakan oleh Bank atas penggunaan Kad;

(c) pindaan, perubahan, pembatalan, penggantungan dan/atau pengeluaran apa-apa manfaat atau keistimewaan di bawah Kad tersebut;

14.2.2 disebabkan oleh tindakan atau ketertinggalan oleh Saudagar;

14.2.3 kerana Kad ditahan dan/atau Saudagar enggan untuk menerima Kad;

14.2.4 berkaitan dengan penyataan, perwakilan atau komunikasi yang dibuat oleh Saudagar;

14.2.5 disebabkan oleh kecacatan atau kekurangan dalam barang yang dibeli daripada atau perkhidmatan yang diberi oleh Saudagar;

14.2.6 disebabkan oleh ketidakpuasan hati terhadap kualiti, keberkesanan dan/atau ketulenan barang yang dibeli daripada dan/atau perkhidmatan yang diberi oleh Saudagar.

14.3 Apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian yang Syarikat dan/atau Ahli Kad ada terhadap Saudagar tidak akan melepaskan Syarikat daripada kewajipannya untuk membayar amaun yang perlu dibayar kepada Bank.

15. PERWAKILAN DAN JAMINAN

15.1 Syarikat mewakilkan dan menjamin bahawa:-

15.1.1 kewajipan yang dinyatakan akan diambil oleh Syarikat di bawah Perjanjian ini adalah kewajipan yang sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan;

15.1.2 Syarikat mempunyai kuasa untuk memeterai, melaksanakan dan memberi dan telah mengambil kesemua tindakan yang perlu untuk membenarkan entri ke dalam, pelaksanaan dan pemberian Perjanjian ini;

15.1.3 penyempurnaan, penghantaran dan pelaksanaan Perjanjian ini tidak dan tidak akan mencabuli atau melanggari peruntukan bagi:

(a) apa-apa undang-undang, peraturan, perintah atau dikri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah;

(b) dokumen berperlembagaan;

(c) apa-apa kontrak dalam apa jua bentuk atau aku janji atau instrumen, yang mana ia menjadi pihak atau yang mengikat ke atasnya.

15.1.4 kesemua keizinan, lesen, kelulusan, resolusi, kebenaran, pendaftaran atau perintah dan pengecualian apa-apa kementerian, agensi, jabatan atau pihak berkuasa di Malaysia ("Kebenaran") yang diperlukan atau dinasihatkan agar diperoleh berkaitan dengan penyempurnaan, pemberian, pelaksanaan, kesahan atau kebolehkuatkuasaan Perjanjian ini telah diperoleh dan dikuatkuasakan dan berkesan dan tiada Kebenaran selanjutnya diperlukan.

15.1.5 Syarikat mempunyai keupayaan kewangan untuk melaksanakan kesemua tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini;

15.1.6 Tiada litigasi (sama ada sivil atau jenayah) prosiding arbitrasi atau pentadbiran yang ada, yang menunggu, sedang dijalankan atau diancam untuk diambil terhadap Syarikat;

15.1.7 Syarikat dapat membayar hutang apabila hutang itu perlu dibayar dan tiada prosiding penggulungan telah dimulakan atau diancam untuk diambil terhadap Syarikat;

15.1.8 Syarikat telah memfailkan kesemua pulangan cukai yang dikehendaki oleh undang-undang untuk difailkan atau yang telah dibayar atau dibuat peruntukan yang mencukupi bagi kesemua bayaran cukai, taksiran, fi dan caj kerajaan lain yang ditaksir terhadap Syarikat atau harta benda Syarikat;

15.1.9 kesemua maklumat, data dan perwakilan yang diberi oleh Syarikat kepada Bank berkaitan dengan Perjanjian ini adalah tepat, benar dan kekal tepat dan benar;

15.1.10 Syarikat tidak menyedari dan mempunyai hasrat untuk menahan apa-apa maklumat atau fakta yang mungkin menyebabkan atau yang timbul terhadap Perjanjian ini yang menyebabkan Bank melanggari undang-undang yang diterima pakai;

15.1.11 Syarikat tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang melanggari undang-undang dan kesemua wang yang diberi kepada Bank tidak dalam apa jua cara berpunca daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan

15.1.12 Syarikat mengakui bahawa Bank telah menerima permohonan bagi Skim tersebut bergantung pada perwakilan dan jaminan di atas.

15.2 Sekiranya mana-mana perwakilan dan jaminan di atas adalah atau terbukti tidak betul atau mengelirukan dalam apa-apa aspek penting semasa tempoh Perjanjian ini, adalah dipersetujui antara pihak-pihak tersebut bahawa kemungkiran itu merupakan kemungkiran penting dalam Perjanjian ini yang Bank berhak untuk menamatkannya dengan segera dan kesemua amaun yang belum dijelaskan di bawah Perjanjian ini akan menjadi terhutang dan perlu dibayar.

16. ***FORCE MAJEURE***

16.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini disebabkan apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad pada:

16.1.1 apa-apa kegagalan fungsi atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi;

16.1.2 kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, *lockouts*, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan awam, tsunami;

16.1.3 kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, gangguan bekalan air dan minyak; atau

16.1.4 sebab-sebab lain berbentuk *force majeure*, iaitu, peristiwa yang tidak dijangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa jua cara dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan, kehilangan, kerosakan atau kesusahan yang Syarikat mungkin tanggung disebabkan kegagalan untuk melaksanakannya.

17. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

17.1 Syarikat akan mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan yang diterima pakai termasuk arahan dan garis panduan daripada Bank Negara dan pihak berkuasa kerajaan dan/atau pengawalseliaan lain berkaitan dengan penggunaan Kad dan/atau Perjanjian ini.

18. **UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENGAWAL**

18.1 Perjanjian ini akan dikawal oleh dan dianggap sebagai menurut undang-undang Malaysia dan Syarikat bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.

18.2 Syarikat bersetuju untuk mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian bidang kuasa tempat atau apa-apa alasan yang serupa.

19. PERJANJIAN KESELURUHAN

19.1 Perjanjian ini merupakan perjanjian keseluruhan antara pihak-pihak berkaitan dengan perkara utama dalam Perjanjian ini dan menggantikan kesemua perjanjian, persefahaman dan pengaturan sebelum ini dan masa kini antara pihak-pihak dan tidak janji, terma dan syarat atau obligasi, secara lisan atau bertulis, nyata atau tersirat selain daripada apa yang terkandung dalam Perjanjian ini.

20. NOTIS

20.1 Syarikat dan Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan pada alamat dan maklumat untuk menghubungi. Sekiranya Syarikat dan/atau Ahli Kad tidak memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan maklumat tersebut, Syarikat dan Ahli Kad Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh bergantung kepada apa-apa alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi seperti yang terdapat dalam rekod Bank atau yang diperoleh daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh Syarikat dan/ata Ahli Kad kepada Bank.

20.2 Kesemua notis, tuntutan, permintaan, keizinan atau komunikasi yang diberi oleh Bank kepada Syarikat dan/atau Ahli Kad boleh dihantar dengan cara yang berikut:-

20.2.1 melalui pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau seumpamanya) ke alamat terakhir Syarikat dan/atau Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai telah diterima dua (2) hari selepas ia dipos;

20.2.2 dihantar dengan tangan ke alamat terakhir Syarikat dan/atau Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai telah dihantar pada masa ia dihantar ke alamat Syarikat;

20.2.3 melalui mel elektronik ke alamat Syarikat terakhir dan/atau Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai telah diterima pada masa selepas penghantaran e-mel itu selesai;

20.2.4 melalui penghantaran faksimile ke nombor faksimile terakhir yang diketahui oleh Bank dan dianggap sebagai telah diterima selepas transmisi faksimile itu selesai;

20.2.5 dengan mempamerkannya di premis perniagaan Bank dan di laman web Bank dan akan dianggap sebagai telah diterima pada masa notis itu dipamerkan;

20.2.6 dengan memasukkan satu notis dalam penyata akaun Syarikat dan/atau penyata Ahli Kad dan akan dianggap sebagai telah diterima dua (2) hari selepas penyata akaun atau notis yang terkandung dalam akaun penyata tersebut dipos;

20.2.7 melalui mesej pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon mudah alih terakhir yang diketahui oleh Bank dan hendaklah dianggap sebagai telah diterima pada masa penghantaraan SMS itu selesai; dan/atau

20.2.8 cara lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

20.3 Apa-apa kegagalan oleh Syarikat dan/atau Ahli Kad untuk memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan alamat dan/atau maklumat untuk menghubunginya sehingga menyebabkan surat-menyurat dan/atau notis itu tertangguh atau tidak dapat dihantar tidak akan memprejudis hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.

21. KOS

21.1 Syarikat akan dipertanggungjawabkan bagi kesemua kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi guaman) yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian dan/atau Skim berkenaan, penguatkuasaan atau cubaan untuk memelihara atau menguatkuasakan hak Bank di bawah Perjanjian ini atau apa-apa perkara berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau Skim berkenaan.

22. TAJUK

22.1 Tajuk fasal dalam Perjanjian ini adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan susuanan ayat bagi fasal tersebut.

23. CUKAI

23.1 Syarikat berkewajipan untuk membayar apa-apa cukai atau levi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat oleh oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan berkenaan) untuk dibayar kepada mana-mana orang atau

pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkaitan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian ini.

23.2 Apa-apa cukai atau levi yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian ini dan barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada Syarikat dan sekiranya Bank melaksanakan apa-apa bayaran, Syarikat akan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik kepada Bank bagi amaun yang telah dibayar.

24. **PENEPIAN**

24.1 Kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan atau ketertinggalan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan di bawah Terma dan Syarat hendaklah tidak dianggap sebagai pengecualian apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau akuiesens keingkaran demikian. Bank mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau mendesak atas hak Bank berkaitan dengan kemungkiran atau kemungkiran berikutnya oleh Syarikat.

25. **KEBOLEHASINGAN**

25.1 Jika mana-mana fasal dalam Perjanjian ini adalah menjadi atau fasal tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan, fasal tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk dalam Perjanjian ini dan fasal dalam Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa dan dikuatkuasakan dan dilaksanakan dalam apa jua cara secara tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan.

26. **REMEDI TERKUMPUL**

26.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang diberi di bawah Perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif berkenaan dengan apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak dan sebaliknya.

27. **SERAH HAK**

27.1 Syarikat tidak boleh menyerah hak dan/atau memindahkan apa-apa hak, kepentingan, hak milik dan liabiliti di bawah Perjanjian ini dan Kad.

27.2 Bank boleh meletak hak dan/atau memindahkan kesemua atau mana-mana hak, hak milik, kewajipan dan liabiliti di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana orang yang Bank menganggap sesuai.

28. PERUBAHAN

28.1 Bank, boleh, pada bila-bila masa menambah, meminda, mengubah, menyemak semula atau mengubah suai apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad pada fi, caj, ciri-ciri dan manfaat Kad dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Syarikat.

28.2 Apa-apa perubahan akan disiarkan dalam laman web Bank dan melalui kaedah lain sebagaimana yang bank atas budi bicaranya menganggap sesuai. Apa-apa penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian akan berkuat kuasa mulai dari tarikh kuat kuasa notis.

28.3 Sekiranya Syarikat tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan tersebut, Syarikat hendaklah:-

(a) menyerahkan atau menyebabkan Ahli Kad untuk menyerah Kad kepada Bank dan memotongnya kepada dua bahagian; atau

(b) memaklumkan kepada Bank secara bertulis mengenai hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini dan Kad tersebut dan sterusnya, memusnahkan dan/atau mengeluarkan cip yang terdapat dalam Kad.

Sekiranya Bank tidak menerima Kad yang dipotong dua atau makluman bertulis seperti yang dinyatakan dalam Fasal ini, Syarikat dianggap sebagai menerima penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian pada terma dan syarat Perjanjian ini dan akan mematuhinya.

28.4 Tanpa mengambil kira perkara di atas, sekiranya Syarikat dan/atau Ahli Kad terus menggunakan Kad selepas tarikh kuat kuasa perubahan tersebut, Syarikat dianggap telah menerima penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian pada terma dan syarat Perjanjian ini dan akan mematuhinya.

29. MENGIKAT PENGGANTI

29.1 Perjanjian ini hendaklah mengikat ke atas pengganti dari segi hak milik Syarikat dan pengganti dan penerima serah hak Bank.

30. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

30.1 Syarikat bersetuju bahawa tanpa mengira apa yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan dan akan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, penutupan atau penggantungan Kad.

31. PERJANJIAN BERSAMA

31.1 Dalam memeterai Perjanjian ini, pihak-pihak dalam ini mengiktiraf bahawa adalah tidak praktikal untuk membuat peruntukan bagi setiap luar jangkaan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan perjanjian ini. Dengan itu, pihak-pihak dalam ini mengisytiharkan bahawa menjadi hasrat mereka bahawa Perjanjian ini akan dijalankan oleh mereka dengan saksama dan tanpa merosakkan kepentingan mana-mana pihak dalam urusan melaksanakan Perjanjian ini, ketidakadilan kepada mana-mana pihak akan didedahkan atau dijangkakan justeru tindakan seumpamanya akan diambil sebagai perlu dan saksama untuk menyingkirkan sebabnya.

32. ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH

32.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC"), dengan menerima pakai "pendekatan sifar tolerasi" bagi apa-apa bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Bank.

32.2 Syarikat hendaklah memastikan pematuhan pada Dasar ABAC pada setiap masa dan tidak terlibat dalam apa-apa tindakan sogokan atau antirasuah yang boleh dianggap bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Anti-Rasuah 2009 ("Akta MACC"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula Akta MACC.

32.3 Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dan memberhentikan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan kepada Syarikat dengan segera sekiranya Syarikat didapati melanggari Dasar ABAC atau didapati terlibat dalam apa-apa tindakan sogokan atau amalan rasuah.

****